

PROSES PEMULANGAN WANG KE AKAUN PEMBAYAR iPAYMENT

1. Pembayar perlu e-mel kepada PTJ kronologi bayaran yang telah dibuat dan menyatakan resit tidak diterima. Pembayar turut sertakan butiran nama penuh, maklumat akaun bank dan salinan slip bank/e-dompet yang menunjukkan duit telah ditolak;
2. PTJ maklumkan pembayar untuk membuat bayaran semula mengikut proses iPayment yang betul atau melalui kaedah pembayaran lain yang dirasakan sesuai oleh PTJ;
3. PTJ panjangkan e-mel ke Pejabat Perakaunan. E-mel perlu merangkumi kronologi isu dan pengesahan resit tiada di skrin Senarai Pembayaran iPayment;
4. Pejabat Perakaunan panjangkan e-mel ke BAMOF, selaku pemilik Akaun Terimaan Kecil Perbendaharaan (ATKP);
5. BAMOF e-mel kepada Affin Bank (cc BKP_ipayment@anm.gov.my) Surat Arahan Bayaran Balik ke akaun pembayar (nama penuh dan maklumat akaun bank disertakan) dan mengesahkan pindahan amaun ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan (ATUPP) masih belum dibuat;
6. BAMOF maklumkan kepada Pejabat Perakaunan sekiranya Affin Bank telah memulangkan duit pembayar;
7. Pejabat Perakaunan maklumkan kepada PTJ pemulangan semula wang dari Affin Bank ke akaun pembayar;
8. PTJ maklumkan pembayar pemulangan semula wang.